



Headline	MIMOS, KAD jalin pakatan bangunkan teknologi baru		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 May 2013	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	192,982
Page No	B5	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	128 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,236
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,944



MIMOS, KAD jalin pakatan bangunkan teknologi baru

Pusat penyelidikan dan pembangunan kebangsaan, MIMOS memeterai memorandum perjanjian (MoA) dengan Kontron Asia Pacific Design Sdn Bhd (KAD) bagi membangunkan teknologi baru industri penjagaan kesihatan tempatan.

Menerusi perjanjian usaha sama dalam penyelidikan dan pembangunan berkenaan, MIMOS dan KAD akan membangunkan teknologi sambungan tanpa wayar dan jalur lebar bagi menambah baik industri penjagaan kesihatan.

Dalam satu kenyataan bersama kepada media, ia berkata, kedua-dua pihak akan menjalankan penyelidikan dengan menumpukan kepada pembangunan platform teknologi yang boleh dimanfaatkan oleh industri tempatan.

“Teknologi berkenaan boleh digunakan untuk membangunkan produk bagi pasaran dunia menerusi kewujudan Kontron pada peringkat global.

Teroka peluang

“Perjanjian berkenaan juga menyumbang kepada kekayaan negara dengan meneroka peluang pengkomersialan di bawah inisiatif Program Transformasi Ekonomi (ETP),” katanya pada majlis memeterai perjanjian berkenaan di Kuala Lumpur, semalam.

MIMOS diwakili oleh Presiden yang juga Ketua Eksekutifnya, Datuk Abdul Wahab Abdullah dan disaksikan oleh Naib Presiden Teknologi Elektronik Industri MIMOS, Mohd Ali Mustafa manakala KAD diwakili Naib Presiden Kontron Global Engineering, Guenter Ortner dan disaksikan oleh Pengarah Urusan KAD, Shanmuganathan Palanisamy.

MIMOS adalah peneraju dalam inovasi teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) serta menjadi perintis kepada penciptaan pasaran baru kepada rakan kongsinya menerusi teknologi yang boleh dipatenkan bagi pertumbuhan ekonomi.

Sementara itu, KAD pula adalah anak syarikat Kontron AG di Malaysia. Ia melakukan rekaan dan mengilang komponen dalaman komunikasi dan menyediakan penyelesaian kepada pengilang peralatan tulen (OEM) dan pemasangan sistem pengilang rekaan tulen (ODM) dalam pelbagai pasaran.